

**KEBERKESANAN GAYA PEMBELAJARAN BERKUMPULAN  
(KOPERATIF) TERHADAP PRESTASI PELAJAR SIJIL AWAM  
PEMBINAAN SEMESTER 4 DALAM MATA PELAJARAN  
KEJURUTERAAN JALAN RAYA (C306)**

**SUHANA BINTI SANATORA**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**SEPTEMBER 2003**

*Buat Yang Teristimewa:*

*Keluarga Tercinta*

*Segala Kasih Sayang Dan Nasihat Yang Diberikan Tidak Akan  
Dilupakan Buat Selamanya*

*Insan Tersayang*

*Terima Kasih Atas Segala Pengorbananmu, Segala Budi Baikmu Akan Ku  
Kenang Selamanya*

*Rakan-Rakan Seperjuangan*

*Terima Kasih Segalanya....*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

### BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

Bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya, dapat saya menyiapkan projek tahun akhir ini dengan sempurna.

Di sini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tinggi kepada Penyelia bagi projek ini iaitu Tn. Hj. Md. Yusof bin Jamar @ Jamil, di atas segala tunjuk ajar, bantuan dan sokongan yang telah disumbangkan. Tidak lupa juga kepada para pensyarah Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional di atas segala tunjuk ajar dan pandangan yang telah diberikan selama ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada sumber-sumber luar yang banyak memberikan bantuan dan juga kerjasama iaitu para pelajar Sijil Awam Pembinaan Semester 4 (SAP 4) dan pensyarah-pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. Jasa kalian semua tidak ternilai dan tidak akan dilupakan selamanya.



Akhir sekali, penghargaan ini saya tujukan khas buat kedua-dua ibubapa saya dan keluarga tercinta. Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain dan juga insan tersayang yang turut sama membantu dan memberi sokongan kerana tanpa kalian semua, tidak mungkin projek ini dapat disiapkan dengan jayanya. Sekali lagi diucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat.

**Suhana bt Sanatora**

**September 2003**



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## ABSTRAK

Pembelajaran berkumpulan merupakan satu teknik pembelajaran yang melibatkan pelajar bekerjasama dalam satu kumpulan untuk mencapai matlamat tertentu atau menyempurnakan sesuatu projek. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan gaya pembelajaran berkumpulan terhadap prestasi pelajar dalam mata pelajaran Kejuruteraan Jalan Raya (C306). Kajian ini dilakukan ke atas 80 orang pelajar Semester 4 Sijil Awam Pembinaan (SAP 4) di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. Kajian ini adalah berbentuk eksperimental yang melibatkan kumpulan kawalan (SAP 4B) dan juga kumpulan eksperimen (SAP 4A). Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan dan perbezaan prestasi bagi pelajar yang menjalani pembelajaran secara berkumpulan berbanding pelajar yang tidak mengamalkan gaya pembelajaran tersebut. Oleh itu, gaya pembelajaran berkumpulan ini boleh dijadikan sebagai satu alternatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



## ABSTRACT

Group learning is a learning technique that allows students to work in a group to attain a certain objective or to perform a certain task. The research is conducted to observe the effectiveness of group learning on students' performance in Highway Engineering subject (C306). This study was conducted on 80 students undergoing Certificate in Civil Construction Course at Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. This is an experimental research involving experimental group (SAP 4A) and control group (SAP 4B). Findings from this study show that there is a significant increase in students' performance under group learning technique compared to students who are under the control group.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	ii
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	iii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iv
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	v
	<b>ABSTRAK</b>	vii
	<b>ABSTRACT</b>	viii
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	xi
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Kerangka Teori	5
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Persoalan Kajian	7

1.7	Hipotesis Kajian	8
1.8	Kepentingan Kajian	8
1.9	Skop Kajian	9
1.10	Andaian Kajian	9
1.11	Limitasi Kajian	10
1.12	Definisi Istilah	10

## II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	12
2.2	Elemen-elemen Gaya Pembelajaran	12
2.2.1	Persekitaran	14
2.2.2	Emosional	15
2.2.3	Sosiologikal	16
2.2.4	Fizikal	17
2.2.5	Psikologikal	18
2.3	Sorotan Kajian	19
2.4	Gaya Pembelajaran Koperatif	21
2.4.1	Tujuan Pembelajaran Koperatif	22
2.4.2	Elemen Pembelajaran Koperatif	24
2.5	Faedah Pembelajaran Berkumpulan	26
2.6	Teknik Pembelajaran Koperatif	28
2.5.1	Pembentukan Kumpulan	28
2.5.2	Melantik Ketua Kumpulan	29
2.5.3	Melantik Pencatat dan Pembentang	29
2.5.4	Menentukan Matlamat Yang Jelas	30
2.5.5	Menentukan Jadual Pertemuan	30
2.5.6	Penumpuan Semasa Perbincangan Kumpulan	31
2.5.7	Perbincangan Bersama Pensyarah	31
2.5.8	Penumpuan Semasa Pembentangan	32



2.5.9	Kedudukan Semasa Berbincang	32
2.5.10	Penilaian atau Refleksi Kumpulan	33

### **III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	34
3.2	Rekabentuk kajian	34
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	35
3.4	Instrumen Kajian	36
3.5	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	39
3.6	Prosedur Kajian dan Pengumpulan Data	40
3.7	Penganalisan Data	41

### **IV ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

4.1	Pengenalan	44
4.2	Dapatan Kajian	45
4.3	Analisis Kajian	45
4.3.1	Analisis Perbezaan Prestasi Bagi Pelajar Kumpulan Eksperimen Dan Kumpulan Kawalan	46
4.3.2	Analisis Keberkesanan Pembelajaran Berkumpulan Dalam Peningkatan Prestasi Matapelajaran Kejuruteraan Jalan Raya (C306)	48
4.3.3	Analisis Pemahaman dan Pengamalan Pelajar Terhadap Ciri-ciri Pembelajaran Berkumpulan	50
4.3.4	Analisis Pandangan Pelajar Terhadap Kepentingan Pembelajaran Berkumpulan	55

## V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	61
5.2	Perbincangan	62
5.2.1	Keberkesanan Pembelajaran Berkumpulan Dalam Peningkatan Prestasi Matapelajaran Kejuruteraan Jalan Raya (C306)	62
5.2.2	Elemen-Elemen Atau Ciri-Ciri Pembelajaran Berkumpulan Yang Diamalkan Oleh Pelajar	63
5.2.3	Pandangan Pelajar Terhadap Kepentingan Pembelajaran Berkumpulan	64
5.3	Kesimpulan	66
5.4	Cadangan	67

## VI REKABENTUK PRODUK

6.1	Pengenalan	69
6.2	Carta Alir Bagi Rekabentuk dan Pembinaan Buku Panduan Pembelajaran Berkumpulan	70
6.2.1	Analisis Keperluan Bagi Pembinaan Buku Panduan	71
6.2.2	Penentuan Format Penulisan Buku Panduan	71
6.2.3	Mengenalpasti Ciri-Ciri Pengguna Buku Panduan	71
6.2.4	Membina Objektif Buku Panduan Bertingkah laku	72
6.2.5	Menyenaraikan Teknik Pembelajaran Berkumpulan	72

6.2.6	Analisis Data Yang Berkaitan Dengan Objektif	72
6.2.7	Tatacara Teknik Pembelajaran Berkumpulan Dan Membina Buku Panduan Sebenar	73
6.2.8	Penyemakan Semula Buku Panduan	73
6.2.9	Buku Panduan Pembelajaran Secara Berkumpulan	73
6.3	Kandungan Buku Panduan Pembelajaran Secara Berkumpulan	74
6.4	Objektif Penghasilan Buku Panduan Pembelajaran Berkumpulan Secara Berkesan	74
6.5	Cadangan Pembaikan	75
6.6	Penutup	75

<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>76</b>
--------------------	-----------

<b>LAMPIRAN</b>	<b>80</b>
-----------------	-----------



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Elemen-Elemen Bagi Gaya Pembelajaran Oleh Dunn & Dunn	13
3.1	Jadual Skala <i>Likert</i>	37
4.1	Pengujian Keseragaman	46
4.2	Perbandingan Peningkatan Prestasi	48
4.3	Perbandingan Prestasi Ujian Pos Bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	49
4.4	Jadual Tafsiran Min	50
4.5	Pemahaman Pelajar Terhadap Gaya Pembelajaran Secara Berkumpulan	51
4.6	Ciri-ciri bagi gaya pembelajaran secara berkumpulan yang diamalkan oleh pelajar	53
4.7	Kepentingan pelajar memahami gaya pembelajaran secara berkumpulan dalam proses pengajaran dan pembelajaran	56
4.8	Pandangan pelajar terhadap gaya pembelajaran secara berkumpulan	57
4.9	Kepentingan gaya pembelajaran secara berkumpulan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam pelajaran	59



UNIVERSITI TUNJUKU AMINAH  
 PERBENDAHAWATAN TUNJUKU AMINAH

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Teori	6
6.1	Carta Alir Bagi Rekabentuk dan Pembinaan Buku Panduan	70



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A.	Soalan Ujian Mata Pelajaran Kejuruteraan Jalan Raya	80
B.	Borang Soal Selidik Kajian	85
C.	Hasil Kajian Rintis	92
D.	Hasil Analisis Demografi	94
E.	Hasil Analisis Pengujian Keseragaman Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan	95
F.	Hasil Analisis Perbezaan Prestasi Pelajar Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Selepas Menggunakan Kaedah Pembelajaran Berkumpulan	96
G.	Hasil Analisis Perbezaan Prestasi Pelajar Kumpulan Eksperimen Sebelum dan Selepas Menggunakan Kaedah Pembelajaran Berkumpulan	97
H.	Hasil Analisis Ciri-ciri Pembelajaran Berkumpulan Yang Diamalkan Oleh Pelajar dan Hasil Analisis Pandangan Pelajar Terhadap Kepentingan Pembelajaran Berkumpulan	98
I.	Buku Panduan Pembelajaran Berkumpulan	100



# *BAB I*



PTTA  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pembelajaran boleh didefinisikan sebagai perubahan tingkah laku yang agak tetap dan berlaku kerana pengalaman atau latihan yang diteguhkan (Ee, 1991). Pembelajaran berlaku apabila rangsangan diproses oleh otak seseorang untuk menjadi pengalaman dan seterusnya pengalaman tersebut akan digunakan untuk sesuatu tingkah laku atau tindakan. Secara ringkasnya pembelajaran berlaku secara berperingkat iaitu rangsangan, pemikiran dan perubahan tingkah laku.

Pembelajaran mempunyai pertalian yang terus dengan kekuatan pengalaman yang menyebabkannya. Menurut Farrant (1981), pembelajaran juga didefinisikan sebagai satu perubahan tingkah laku yang disebabkan oleh pengalaman. Jika dilihat daripada kedua-dua definisi ini, maka dapat disimpulkan bahawa pembelajaran melibatkan perubahan tingkah laku iaitu daripada seorang yang tidak tahu kepada mengetahui sesuatu dan perubahan tersebut disebabkan oleh pengalaman atau latihan yang telah dilaluinya.



Gaya pembelajaran pula merupakan satu cara khusus bagaimana minda atau pemikiran seseorang menerima dan memproses maklumat (Carter, Bishop dan Kravits, 2000). Melalui definisi tersebut, maka gaya pembelajaran merupakan cara bagaimana seseorang pelajar menerima, memahami, mengaplikasi dan mengingati pelajaran yang telah dipelajari. Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa gaya pembelajaran merupakan satu set ciri-ciri peribadi yang mempengaruhi bagaimana seseorang menerima, mengumpul, dan memproses maklumat.

Dalam bilik darjah, pelajar-pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Model Gaya Pembelajaran Dunn & Dunn (1978) berfokus kepada 21 elemen yang mempengaruhi kebolehan belajar seseorang pelajar. Kesemua elemen tersebut dapat diklasifikasikan kepada 5 kategori iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, psikologikal dan fizikal. Dunn & Dunn menyatakan empat prinsip gaya pembelajaran iaitu kebanyakan individu mampu dan boleh belajar, setiap individu mempunyai gaya pembelajaran tertentu, gaya pembelajaran individu bertindak balas dengan iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dan dengan iklim, sumber, dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran, seseorang dapat mengoptimumkan proses pembelajarannya.

Walaupun terdapat pelbagai jenis gaya pembelajaran yang telah diperkenalkan oleh pengkaji-pengkaji seperti Dunn & Dunn, Soloman & Felder, Paragon dan lainnya, kita masih kabur tentang keberkesanan setiap jenis gaya pembelajaran tersebut. Oleh itu, kajian yang akan dilakukan ini adalah bertujuan untuk mengkaji keberkesanan salah satu cara atau gaya pembelajaran tersebut.

Gaya pembelajaran yang telah dipilih bagi tujuan kajian ini adalah gaya pembelajaran secara berkumpulan. Belajar secara berkumpulan melibatkan pembelajaran secara kerjasama. Menurut Deutsch (1962) di dalam Fazilah (2000) kerjasama merupakan bekerja bersama-sama untuk menyempurnakan matlamat bersama. Dalam konteks pembelajaran, kerjasama akan terbentuk apabila satu kumpulan

kecil pelajar dibentuk dan setiap individu dalam kumpulan tersebut berkerja bersama-sama untuk memaksimumkan produktiviti dan pencapaian diri dan kumpulan.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Terdapat pelbagai pendekatan dalam pengajaran yang digunakan oleh pensyarah bagi menggalakkan proses pembelajaran pelajar-pelajarnya. Pendekatan tersebut merangkumi strategi, kaedah dan teknik yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Strategi pengajaran yang sesuai akan memberi kesan yang positif terhadap prestasi pelajar dalam suatu pelajaran.

Bagi memenuhi kepentingan proses pengajaran dan pembelajaran iaitu pencapaian akademik yang cemerlang, pensyarah seharusnya mengetahui kaedah yang sesuai digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran suatu pelajaran. Kesesuaian tersebut bergantung kepada mata pelajaran yang diajar. Bagi mata pelajaran Kejuruteraan Jalan Raya, ia merupakan satu mata pelajaran yang memerlukan interaksi yang berkesan di antara pensyarah dengan pelajar dan juga pelajar dengan pelajar. Oleh itu pembelajaran secara berkumpulan boleh membantu pelajar memahami dan mengingati konsep-konsep penting dalam mata pelajaran tersebut.

Pada kebiasaannya, pelajar lebih bergantung kepada nota dan penerangan yang diberikan oleh pensyarah di dalam bilik kuliah sahaja. Oleh yang demikian, pelajar tidak dapat mengembangkan pemikiran mereka apabila diminta untuk menyelesaikan suatu permasalahan yang agak sukar.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi melihat keberkesanannya dari segi prestasi pelajar-pelajar dalam suatu penilaian atau ujian yang akan dijalankan. Gaya pembelajaran berkumpulan tersebut akan dilakukan dengan menggunakan teknik-teknik tertentu bagi memastikan keberkesanannya.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Abdul Rahim (1992) di dalam Faizah (2002), pembelajaran secara individu kurang membantu pelajar dalam menyelesaikan masalah yang rumit yang memerlukan proses pemikiran yang tinggi. Permasalahan yang wujud ialah pergantungan pelajar kepada pensyarah di mana pelajar hanya bergantung kepada nota dan penerangan yang diberikan oleh pensyarah di bilik kuliah.

Selain itu, pensyarah biasanya mengamalkan pengajaran dan pembelajaran sehala iaitu pensyarah memberikan kuliah dan pelajar menerimanya. Hal ini akan menyebabkan pelajar tiada ruang memberikan pendapat atau idea terhadap permasalahan yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran dua hala antara pensyarah dan pelajar. Sehubungan dengan itu, gaya pembelajaran berkumpulan atau pembelajaran koperatif akan didedahkan kepada pelajar bagi melihat keberkesanannya. Keberkesanan gaya pembelajaran tersebut diukur menggunakan prestasi pelajar dalam ujian bagi mata pelajaran Kejuruteraan Jalan Raya (C306).


#### 1.4 Kerangka Teori

Menurut Johnson & Johnson (1991) menyatakan bahawa pembelajaran berkumpulan memerlukan elemen seperti kesalingbergantungan yang positif, kebertanggungjawaban individu, interaksi bersemuka, kemahiran perorangan dan kumpulan kecil, dan pemprosesan kumpulan.

Terdapat beberapa tambahan yang dibuat oleh Stahl (1994) iaitu pembelajaran berkumpulan juga memerlukan elemen seperti arahan dan objektif pembelajaran yang jelas, peruntukan dan pengurusan masa, dan pembentukan kumpulan yang heterogenous. Keterangan yang lebih jelas mengenai elemen-elemen pembelajaran berkumpulan tersebut akan diterangkan di dalam Bab 2.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori yang telah diubahsuai untuk memenuhi kehendak kajian ini. Berdasarkan kerangka teori tersebut, permasalahan kajian ini adalah kebergantungan pelajar kepada pensyarah. Daripada permasalahan kajian tersebut, kaedah pembelajaran berkumpulan akan diterapkan kepada pelajar dengan berpandukan kepada elemen-elemen pembelajaran berkumpulan yang tertentu. Setelah pembelajaran berkumpulan diterapkan kepada pelajar, diharapkan pelajar dapat meningkatkan prestasi dalam pelajaran mereka.





**Rajah 1.1 Kerangka Teori**

Sumber: Diubahsuai dari Stahl. (1994). Cooperative Learning in Social Studies: A Handbook For Teachers. Menlo Park, CA: Addison-Wesley.

### 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- a) Menentukan keberkesanan gaya pembelajaran secara berkumpulan bagi mata pelajaran Kejuruteraan Jalan Raya (C306) berdasarkan pencapaian pelajar di dalam ujian.
- b) Mengenalpasti elemen-elemen penting dalam pembelajaran berkumpulan.
- c) Menyatakan pandangan pelajar Sijil Awam Pembinaan Semester 4 Politeknik Port Dickson terhadap kepentingan pembelajaran berkumpulan.
- d) Menghasilkan buku panduan bagi pembelajaran berkumpulan yang berkesan yang merangkumi kriteria yang perlu diambil kira dalam melaksanakan pembelajaran secara berkumpulan.

### 1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dikaji ialah :

- a) Adakah terdapat perbezaan prestasi bagi pelajar yang menggunakan gaya pembelajaran berkumpulan dengan pelajar yang tidak menggunakan pembelajaran berkumpulan dalam mata pelajaran Kejuruteraan Jalan Raya (C306)?
- b) Apakah elemen-elemen penting yang perlu diambilkira dalam melaksanakan pembelajaran secara berkumpulan yang berkesan?
- c) Apakah pandangan pelajar Sijil Awam Pembinaan Semester 4 Politeknik Port Dickson terhadap kepentingan pembelajaran berkumpulan?

### 1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis bagi kajian ini ialah:

Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi pelajar yang menggunakan gaya pembelajaran berkumpulan dan prestasi pelajar yang tidak menggunakan gaya pembelajaran tersebut dalam mata pelajaran Kejuruteraan Jalan Raya (C306).

Ha: Terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi pelajar yang menggunakan gaya pembelajaran berkumpulan dan prestasi pelajar yang tidak menggunakan gaya pembelajaran tersebut dalam mata pelajaran Kejuruteraan Jalan Raya (C306).

### 1.8 Kepentingan Kajian

Dengan adanya kajian berkenaan keberkesanan gaya pembelajaran secara berkumpulan ini, diharapkan dapat membantu pensyarah-pensyarah di Politeknik terutamanya pensyarah yang mengajar mata pelajaran kejuruteraan awam dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Gaya pembelajaran secara berkumpulan lebih berkesan berbanding gaya pembelajaran yang lain. Oleh itu, pensyarah boleh mengaplikasikan gaya pembelajaran tersebut dalam mata pelajaran yang lain.

Selain itu, pensyarah juga akan mengetahui kriteria-kriteria yang perlu diambil kira untuk melaksanakan pembelajaran secara berkumpulan terhadap pelajar-pelajarnya. Pelajar juga akan mengetahui sejauhmana keberkesanan gaya pembelajaran secara berkumpulan lalu mengamalkannya dalam mempelajari mata pelajaran yang lain.

### 1.9 Skop Kajian

Kajian ini akan dilakukan untuk menentukan keberkesanan gaya pembelajaran secara berkumpulan jika dibandingkan dengan gaya pembelajaran yang lain berdasarkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran kejuruteraan jalan raya. Selain itu kajian ini turut mengkaji tentang apakah kriteria-kriteria penting yang perlu diambil kira dalam melaksanakan pembelajaran secara berkumpulan. Kajian ini juga ingin mendapatkan pandangan pelajar terhadap kepentingan pembelajaran berkumpulan.

### 1.10 Andaian Kajian

Beberapa andaian akan dibuat semasa menjalankan kajian ini iaitu:

- a) Kajian ini akan mendapat kerjasama yang sewajarnya dari pihak responden yang terlibat.
- b) Hasil kajian yang akan diperolehi adalah berdasarkan markah dari ujian yang akan dilakukan ke atas responden.
- c) Proses pembelajaran berkumpulan yang dilakukan oleh responden adalah mengikut teknik-teknik yang telah ditetapkan.



**BIBLIOGRAFI**

Ab. Rahim Selamat. 1996. *Kemahiran Belajar Dalam KBSM dan KBSR*.  
Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Azim.

Brown, G. & Atkins, M. 1999. *Effective Teaching in Higher Education*.  
Britain: Biddles Ltd., Guildford & King's Lynn.

Carter, C.; Bishop, J.& Kravits, S.L. 2000. *Keys to Thinking and Learning:  
Creating Options and Opportunities*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.

Dunn, R. & Dunn, K. (1993). *Teaching Secondary Students Through Their Individual  
Learning Style: Practical Approaches for Grades 7-12*. Allyn & Bacon: Boston.

Dunn, R. & Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning  
Styles: A Practical Approach*. New Jersey: Prentice Hall.

Ee Ah Meng. 1991. *Pedagogi: Satu Pengenalan*.  
Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng. 1991. *Psikologi Perkembangan: Aplikasi Dalam Bilik Darjah*  
Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Faizah Omar. 2002. *Keberkesanan Pembelajaran Secara Kolaboratif Terhadap Prestasi Mata Pelajaran Pengurusan Perniagaan (P135) Pelajar Sijil Simpan Kira Semester 4 Di Politeknik Seberang Perai*. Parit Raja: KUITTHO.

Guillaume, A. M. 2000. *Classroom Teaching: A Primer for New Professionals*. New Jersey: Prentice Hall.

Johnson, D.W., R.T. Johnson, K.A. Smith. (1991). *Cooperative Learning: Increasing College Faculty Instructional Productivity*. George Washington University.

J.S. Farrant. 1981. *Prinsip dan Amali Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kamus Dwibahasa. 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lee Shok Mee. 1993. *Pedagogi 4 (A): Pengujian dan Penilaian Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mohd Najib Ghafar. 1997. *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Salleh Lebar. 1999. *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Musa Daia. 1992. *Kaedah dan Teknik Pengajaran*. Johor Bahru: Badan Bookstore Sdn. Bhd.

Royse, D. 2001. *Teaching Tips for College and University Instructors: A Practical Guide*. Allyn and Bacon: Boston.

- Saedah Siraj, Zainun Ishak & Tunku Mohani Tunku Mokhtar. 1996.  
*Motivasi Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications  
& Distributors Sdn. Bhd.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. 1986. *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*.  
Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. 1986. *Teknologi Pengajaran*.  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stahl, Robert J. 1994. *Cooperative Learning in Social Studies: A Handbook For  
Teachers*. Menlo Park, CA: Addison-Wesley.
- Stahl, Robert, J. 1992. "A Context for 'Higher Order Knowledge': An Information-  
Constructivist (IC) Perspective with Implications for Curriculum and  
Instruction." *Journal of Structural Learning* 11.
- Wiersm, W. 2000. *Research Methods in Education: An Introduction*.  
Allyn and Bacon: Boston.
- Belajar Berkumpulan. n.d. Dipetik pada Januari, 22, 2003, dari  
<http://www.edu.usm.my/education/Kaunseling/tips/Belajar%20Berkumpulan.doc>
- Fazilah Idris. 2000. *Jurnal Bahasa: Pengajaran-Pembelajaran Bahasa*.  
Dipetik pada Januari, 22, 2003, dari  
<http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa20/mac/j03ajar.htm>.
- Felder, R. n.d. Case Study: Cooperative Learning in a sequence of  
Chemical Engineering Courses. Dipetik pada Januari, 22, 2003, dari  
<http://www2.ncsu.edu/unity/lockers/users/f/felder/public/Papers/Coopreport.html>

Ishak Othman. n.d. Teori dan Strategi Pengajaran Pembelajaran Dalam Merekabentuk Perisian Kursus PPBK. Dipetik pada Januari, 6, 2003, dari <http://www.geocities.com/ishakothman/ppbk4.html>

Ismail Zin. 2001. Faedah Pembelajaran Koperatif Dalam Sistem Penilaian. Dipetik pada Januari, 6, 2003, dari <http://members.tripod.com/skypin/pendik/pendidik12.html>

Ng Kim Choy. 1999. Kaedah Pembelajaran Koperatif. Dipetik pada Januari, 6, 2003, dari <http://jaringan.mybravenet.com/koperatif.htm>

Pengurusan Pembelajaran Bestari: Gaya Pembelajaran. n.d. Dipetik pada Januari, 7, 2003, dari <http://mahirppb.tripod.com/gaya.html>.

The Dunn and Dunn Learning Style Model of Instruction. n.d. Dipetik pada Januari, 9, 2003, dari <http://www.unc.edu/depts/ncpts/publications/learnstyles.htm>.

Thomson, Barbara S. 1997. *Eric Digests: Attending to Learning Styles in Mathematics and Science Classrooms*. Dipetik pada Januari, 7, 2003, dari [http://www.ed.gov/databases/ERIC\\_Digests/ed432440.html](http://www.ed.gov/databases/ERIC_Digests/ed432440.html).

Tumin Yatman. 2000. Kemahiran Belajar Secara Berkumpulan. Dipetik pada Januari, 22, 2003, dari <http://www.geocities.com/datukmenteri2000/kemkumpulan.html>.